

12 NOV 1999

Ling-MCA

MASYARAKAT CINA TERHUTANG BUDI KEPADA KERAJAAN, KATA LING

SEGAMAT, 12 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata masyarakat Cina di negara ini terhutang budi kepada kerajaan kerana telah bertindak bijak dalam menangani masalah kegawatan ekonomi.

Masyarakat Cina tahu keadaan sebenar ketika negara dilanda kegawatan hinggalah rakyat ketika itu tidak tahu apa yang harus dilakukan tambahan pula berlakunya rusuhan di negara jiran, katanya.

"Kita menghadapi cabaran yang terbesar sejak merdeka. Tetapi orang bertenang dan bekerjasama... rakyat berdiri bersama dengan kerajaan untuk menghadapi keadaan itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman Cawangan Johor di sini hari ini.

Menurutnya negara bernasib baik kerana mempunyai sebuah kerajaan yang kukuh dengan pemimpinnya yang bijak dan berpandangan jauh serta berani mengambil langkah-langkah penting untuk memulihkan ekonomi.

"Kita tahu kita terhutang budi kepada kerajaan dan kerajaan juga terhutang budi kepada rakyat jelata," kata Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

Dr Ling berkata beliau percaya rakyat akan terus memberikan sokongan penuh kepada Barisan Nasional (BN) dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum kali ini.

Mengenai calon-calon MCA yang akan bertanding pada pilihan raya umum, beliau berkata senarainya akan diputuskan dalam sehari dua ini.

Bagaimanapun, beliau berkata di Johor tidak banyak perubahan dilakukan kerana pasukan yang sedia ada cukup baik dan mereka telah bekerja kuat.

"Hanya di Maharani sahaja yang calonnya menawarkan diri untuk berundur kerana mahu menumpukan sepenuh masa terhadap profesion guaman dan keluarganya," katanya.

Dr Ling berkata calon baru yang dicadang diletakkan di kawasan itu ialah Richard Lau.

Pada pilihan raya umum 1995, Tay Khim Seng dari MCA menewaskan calon DAP, Lim Sey Wee dalam perlawanan dua penjuruan di kawasan itu dengan majoriti 2,696 undi. Tay memperolehi 11,234 undi manakala Lim 8,538 undi.

Mengenai cadangan DAP untuk meletakkan orang luar sebagai calon di Maharani, beliau berkata ini menunjukkan parti itu tidak mempunyai anggota yang cukup sehinggalah terpaksa membawa orang luar yang tidak dikenali dan tidak pernah berkhidmat untuk bertanding di situ.

Dr Ling berkata beliau percaya peluang BN untuk mempertahankan kerusi itu cerah kerana selama ini MCA telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat setempat.

Presiden MCA itu juga berkata beliau akan menawarkan diri untuk mempertahankan kerusi parlimen kawasan Labis dan berharap pengundi kawasan itu memberi peluang kepadanya untuk berkhidmat lima tahun lagi.

-- BERNAMA

MKO RON